

PERDEBATAN TEORI SARIAN DAN BINAAN SOSIAL TENTANG KELIWTAN: SUATU PENILAIAN MENURUT ISLAM

^aMasturah Abu Bakar

^bMohd Zaidi Abdul Rahman

^cRafidah Hanim Mokhtar

^aJabatan Sains Politik Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

^bJabatan Sains Politik Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

^cFakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Asal usul kewujudan kecitaliwatan sering dibincangkan berasaskan dua teori utama iaitu sarian dan binaan sosial. Konflik dalam wacana kecitaliwatan timbul apabila sarianisme menganggap kecitaliwatan wujud secara semulajadi dalam diri manusia; manakala binaisme sosial menekankan bahawa kecitaliwatan merupakan produk yang terbina hasil daripada interaksi sosial. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menilai kedua-dua teori menurut pandangan Islam dengan rujukan khas terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa kecitaliwatan menurut Islam merupakan suatu yang wujud akibat daripada binaan sosial.

Kata kunci: Kecitaliwatan, sarianisme, binaan sosial, Islam, kejantinaan.

Abstract

The origin of the existence of homosexuality is often discussed based on two main theories of essentialism and social constructivism. The conflict in the field of homosexuality develops when theory of essentialism addresses the natural existence of homosexuality in human being. Nevertheless, social constructivist theory emphasizes that homosexuality is the product of social interactions in the community. Thus, this article aims to evaluate both theories from Islamic perspective with special reference to the related Quran verses. The results show that in Islam, homosexuality is an inherent consequence of social construction.

Keywords: *Homosexuality, Essensialism, Social Construct, Islam, Sexuality*

Pengenalan

Tingkah laku manusia ialah suatu fenomena yang sangat rumit untuk dijelaskan. Pelbagai faktor dan pemboleh ubah yang

*Penulis untuk dihubungi:

harutsam_tm@yahoo.com

ISSN 1985-6296 ©Pusat Dialog Peradaban

mempengaruhi tingkah laku manusia. Oleh itu adalah mustahil untuk mengenal pasti kesemua variasi faktor dan pemboleh ubah tersebut. Justeru, perlakuan sanggama/bersetubuh atau jimak (seks) yang merupakan salah satu wacana dalam tingkah laku manusia turut dibincangkan dalam bidang-bidang yang berbeza. Menurut Foucault (1978) seks mula menjadi wacana awam pada abad ke-18 atau ke-19, bermula dengan bidang perubatan, psikologi dan diikuti oleh bidang kehakiman. Kajian mengenai kecitaliwatan dalam bidang biologi merangkumi hubungan seks dalam semua bentuk termasuklah aspek perubatan, fisiologi atau psikologi tingkah laku seksual. Dari sudut sosiologi pula ia boleh meliputi aspek kebudayaan, politik dan undang-undang, falsafah serta wacana dalam aspek moral. Secara biologinya, seks merujuk kepada suatu proses yang menggabungkan ciri-ciri dan pencampuran genetik. Proses ini menyebabkan pengkhususan sesuatu organisma kepada jenis lelaki dan perempuan yang mempunyai peranan yang berbeza dalam konteks pembiakan, keluarga dan masyarakat (Peterson dan Campbell, 2012). Hal ini bermaksud, seks merupakan status biologi seseorang yang secara ghalibnya membahagikan manusia kepada dua kategori yang berbeza, iaitu lelaki dan perempuan. Terdapat beberapa petunjuk biologi seks seseorang antaranya ialah kromosom seks, gonad iaitu organ pembiakan manusia; termasuklah organ pembiakan dalaman dan organ genitalia luaran (APA Council of Representatives, 2011).

Oleh itu, pengutuban (polarisasi) manusia dari segi sistem biologi dan ciri menatijahkan peranan yang berbeza. Sebagai contoh, lelaki mempunyai ciri tertentu yang selalunya disebutkan sebagai muzakar (maskulin), manakala perempuan mempunyai ciri tertentu yang selalunya disebutkan sebagai muanas (feminin). Watak muzakar dan muanas yang berbeza ini, yang dipunyai oleh lelaki dan perempuan menghasilkan peranan yang tertentu dalam konteks pembiakan (reproduktif) keluarga dan masyarakat. Selain itu, terma lapuan (gender) pula digunakan untuk merujuk kepada ciri yang digunakan untuk membezakan lelaki dengan wanita melalui sifat-sifat muzakar dan muanas yang diberikan kepada mereka. Anatomi, fisiologi, kromosom, gen, hormon dan psikologi antara peria dan wanita adalah tidak sama. Lapuan juga selalu digunakan untuk membezakan sifat-sifat muzakar dan muanas, yang mana sifat-sifat tersebut ditentukan oleh sesuatu budaya tertentu.

Kecitasanggamaan (sexuality) menurut Kamus Oxford (OED online) ialah kualiti menjadi citasanggama (seksual) atau memiliki jantina (seks), naluri atau perasaan yang bersifat seksual, kepeccaman (identiti) seksual seseorang yang berkait rapat dengan perasaan tertarik dirinya terhadap lelaki atau perempuan serta penampilan tersendiri seks seseorang. Kecitasanggamaan menurut Peterson dan Campbell (2012) juga difahami sebagai keadaan yang dicirikan atau dibezakan mengikut jantina dan pendirian peribadi seseorang berhubung dengan sikap dan tingkah laku citasanggama. Kecitasanggamaan merupakan suatu perkara yang rumit dalam diri

seseorang manusia yang melibatkan ungkapan jasmani (ekspresi fizikal) dan psikologi terhadap keseronokan dan keintiman. Sebagaimana tingkah laku manusia dalam hal yang lain, kecitasanggamaan turut dipengaruhi oleh budaya, kepercayaan agama dan tradisi keluarga. Kecitasanggamaan secara umumnya menjelaskan bagaimanakah pengalaman yang dilalui oleh seseorang serta ungkapan (ekspresi) mereka sebagai makhluk citasanggama.

Kebanyakan teori klasik mengenai orientasi citasanggama semulajadi manusia menekankan bahawa orientasi citasanggama berlaku dalam konteks peranan kepercayaan (identiti) seseorang. Teori ini berkait dengan daya tarikan citasanggama seorang perempuan terhadap peranan seorang lelaki yang mempunyai sifat muzakar dan sebaliknya daya tarikan seorang lelaki terhadap peranan seorang perempuan yang mempunyai sifat muanas. Sewajarnya, teoris klasik ini cenderung berpandangan bahawa heterocitasanggama (heteroseksual) merupakan orientasi citasanggama yang semulajadi hasil daripada daya tarikan terhadap peranan kepercayaan jantina (identiti seks) seseorang (Storms, 1980); manakala, citaliwat (homosexual) merupakan sesuatu yang songsang dan bertentangan dengan orientasi citasanggama semulajadi.

Citaliwat menurut **Tripp (1975)** ialah seseorang yang tertarik kepada ciri peranan citasanggama yang dimiliki oleh golongan sejenisnya. Orientasi citasanggama ini boleh melibatkan dua jenis lelaki, iaitu seorang lelaki yang mempunyai ciri lelaki muzakar yang lemah, dalam masa yang sama mencemburui sifat muzakar yang ada pada lelaki lain serta seorang lelaki yang mempunyai ciri muzakar yang kuat yang dalam masa yang sama mengaitkan kemuzakaran tersebut terhadap orang lain (Storms, 1980). Walaupun hipotesis Tripp ini tidak diuji, namun kenyataan hipotesis tersebut disokong oleh beberapa kajian yang lebih terperinci. Sebagai contoh, pada tahun 1936 **Terman dan Mile (1936)** melaporkan dalam penemuan mereka bahawa terdapat watak kewanitaan yang kuat dalam diri seorang lelaki citaliwat. Hasil penemuan yang sama turut dilaporkan oleh Manosevitz pada tahun 1971 (Nicolosi, 1997).

Terdapat pula pandangan yang menyatakan bahawa orientasi citasanggama lahir daripada sambutan (respons) erotik seseorang individu terhadap individu sejenis atau berlainan jenis. Kinsey (1998) berpandangan bahawa orientasi citasanggama seseorang mestilah diukur melalui tiga terma utama, iaitu jenis, jangkauan atau tahap frekuensi fantasi erotik seseorang terhadap orang lain. Melalui hasil temuramah yang dijalankan oleh beliau mengenai fantasi erotik, beliau merumuskan bahawa orientasi citasanggama merupakan sesuatu yang rawak, tiada dimensi dan berubah daripada skala muzakar yang paling ekstrem kepada skala muanas yang paling ekstrem (Nicolosi, 1997). Hal ini bermaksud, menurut Kinsey, seseorang lelaki berkemungkinan mempunyai sifat muzakar yang menonjol atau sifat muzakar yang kurang menonjol atau sifat yang menghampiri kepada sifat muanas. Seorang perempuan pula

berkemungkinan mempunyai sifat muanas yang menonjol atau sifat muanas yang kurang menonjol atau sifat yang menghampiri kepada sifat muzakar.

Oleh itu, orientasi citasanggama boleh difahami sebagai keadaan dan pelaksanaan emosi, citasanggama dan daya tarikan romantik kepada peria, wanita, kedua-dua lapuan atau kepada seseorang yang tiada lapuan. Orientasi citasanggama ialah keadaan manusia yang merupakan perkara yang dianggap peribadi dan merupakan kepercamaan sosial. Tiga kategori utama orientasi citasanggama ialah heterocitasanggama dan dwicitasanggama yang meliputi kumpulan heterocitasanggama eksklusif sehinggalah kepada kumpulan citaliwat eksklusif dengan pelbagai jenis kumpulan dwicitasanggama di tengah-tengahnya (Mutua, 2011).

Perdebatan Teori Sarianisme dan Binaisme Sosial

Perdebatan antara teori sarianisme (esensialisme) dan binaisme (konstruksi) sosial dalam wacana kecitaliwatan telah menjadi tajuk perdebatan utama sejak 1980 (Stein, 2002). Sarianisme (esensialis) barat beranggapan bahawa citaliwat sebagaimana jantina lelaki dan perempuan adalah sesuatu yang sarian (esensial) dan semulajadi. Bagi memperkukuhkan dakwaan mereka ini, mereka menjalankan kajian terhadap beberapa unsur biologi manusia seperti gen, hormon, pasangan kembar dan otak manusia (Sprigg, 2007). Alfred Kinsey (1998) antara golongan sarianis yang merintis penyelidikan terhadap unsur biologi manusia bagi membuktikan bahawa citaliwat ialah sesuatu yang sarian. Beliau menegaskan bahawa tindakan membahagikan manusia kepada kategori tertentu berdasarkan ciri citasanggama tertentu adalah perkara yang mustahil dan tidak menghargai variasi dan kepelbagaian kecitasanggamaan manusia (Stein, 1998). Hasil penemuan kajian yang diperoleh dijadikan sebagai bahan bukti untuk menyokong dakwaan mereka. Menurut Troiden (1989) orientasi citasanggama merupakan sesuatu yang telah terbina sejak awal kehidupan; yang merupakan kejadian citasanggama yang benar, manakala kepercamaan citasanggama pula melibatkan proses pembelajaran mengenai persoalan apakah sebenarnya kepercamaan citasanggama seseorang.

Kecitaliwatan bagi mereka ialah kecitasanggamaan manusia yang semulajadi (Horowitz dan Newcomb 2002). Dank, Bell dan Weinberg pula berpandangan bahawa kepercamaan citasanggama merupakan sesuatu yang dibina, dibangunkan dan dikekalkan melalui proses interaksi sosial (Horowitz dan Newcomb 2002). Hal ini bermaksud, interaksi sosial memberi pengaruh terhadap pembinaan kepercamaan citasanggama seseorang. Menurut Raja Halwani (1998), binaisme sosial pula boleh ditafsirkan melalui tiga aspek utama iaitu istilah, epistemologi dan ontologi. Dari segi bahasa, perkataan yang setaraf citaliwat dan kecitaliwatan tidak wujud dan didakwa mula digunakan hanya pada lingkungan abad ke-19. Citaliwat merupakan istilah hasil daripada penemuan sains di

dunia barat pada lingkungan abad tersebut. Dari segi epistemologi, binanisme sosial berpandangan bahawa pada masa tertentu, manusia tidak mempunyai pengetahuan tentang fenomena golongan citaliwat atau konsep kecitaliwatan. Dari segi ontologi pula, didakwa bahawa pada masa tertentu, kecitaliwatan secara mudahnya tidak wujud, maka pada masa tersebut golongan citaliwat juga adalah tidak wujud. Secara keseluruhannya menurut beliau, kecitaliwatan ialah sesuatu yang terikat dengan budaya dan terikat masa.

Penilaian Menurut Islam

Dalam makalah ini penulis menggunakan tatakaedah (metodologi) pemikiran Islam bagi menilai kedua-dua teori supaya asas pembinaan kecitaliwatan dapat ditentukan. Menurut al-Razi metodologi pemikiran Islam ialah dengan menggabungkan dalil aqli dan naqli bagi memastikan penurunan wahyu seperti *al-Qur'an* dapat difahami oleh manusia yang dikurniakan akal oleh Allah SWT untuk berfikir (Farid, 2009). Justeru, analisis dilakukan terhadap ayat-ayat *al-Qur'an* yang berkaitan beserta dengan huraian tafsir menurut pandangan ulama-ulama muktabar. Pembuktian melalui ayat-ayat *al-Qur'an* dan tafsiran daripada para ulama muktabar ini adalah penting untuk memastikan analisis yang dijalankan bertepatan dengan kaedah pemikiran Islam yang menjadikan al-Quran sebagai sumber penting bagi epistemologi ilmu (Azram, 2011).

Manusia dan Fitrah

Menurut El-Muhammady (2012), manusia diciptakan dan dilahirkan oleh Allah SWT dalam keadaan yang fitrah. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ
ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٣٠

“Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, Wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.” (Surah al-Rum: 30) Sheikh Abdullah Basmeh (2000), pp. 1062)

Ketika mentafsirkan ayat ini, Ibnu Kathir (2004:2178) menyebutkan bahawa Allah SWT menghendaki manusia agar mengikuti fitrah yang telah ditetapkan Allah SWT ke atas diri manusia. Ibnu Kathir menurut tafsirnya menjelaskan bahawa

terdapat dua perbezaan pandangan ulama mengenai potongan ayat di atas:

لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ

Pertama, ayat ini mengandungi *khitab* atau perintah Allah SWT berkenaan dengan *thalab* iaitu tuntutan untuk manusia meninggalkan perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT. Kedua, ayat ini menjelaskan maksud yang sebenarnya iaitu Allah S.W.T menyamakan seluruh makhluk-Nya dengan fitrah dan tabiat yang lurus, iaitu tidak ada seorang manusia pun yang lahir kecuali berada pada keadaan demikian (keadaan yang fitrah), serta tidak ada perbezaan dalam kalangan manusia dalam hal fitrah.

Oleh itu, sebagaimana manusia diciptakan dalam keadaan fitrah, maka pengutuban (polarisasi) atau kedualan jantina manusia kepada lelaki dan perempuan juga merupakan ciptaan yang sesuai dengan fitrah manusia. Ciptaan ini bukanlah suatu kejadian yang kebetulan, melainkan mempunyai maksud dan tujuan tertentu. Tujuan tersebut dijelaskan sendiri di dalam firman Allah SWT sebagai untuk mengingatkan kekuasaan Allah SWT dan mentawhidkan-Nya. Lihat firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tiap-tiap jenis Kami ciptakan berpasangan, supaya kamu mengingati (kekuasaan Kami dan mentauhidkan Kami).”
(Surah az-Dzariyat:49) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp.1409) ar-Rahman (2000, 1409)

Al-Zuhaili (1998) mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan setiap sesuatu diciptakan secara berpasang-pasangan. Allah SWT menciptakan lelaki dan perempuan berpasang-pasangan antara satu sama lain sebagaimana diciptakan langit dan bumi, matahari dan bulan, musim panas dan sejuk, cahaya dan kegelapan dan sebagainya. Antara tujuan manusia diciptakan dalam keadaan berpasangan ialah untuk mengembangkan zuriat keturunan agar manusia saling mengasihi di antara satu sama lain. Antara tujuan manusia diciptakan dalam keadaan berpasangan ialah untuk mengembangkan zuriat keturunan agar manusia saling mengasihi di antara satu sama lain. Hal ini disebutkan oleh *al-Qur'an* dengan menggunakan perkataan *al-rijal* dan *al-nisa'* yang merangkumi beberapa ciri penciptaan manusia melalui firman Allah yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan iaitu lelaki dan perempuan yang ramai. dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta Dengan menyebut-yebut nama-Nya, serta peliharalah

hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.” (Surah al-Nisa’: 1) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp. 176)

Menurut tafsir Ibnu Kathir (2003:575), *Allah SWT* mengembangkan manusia kepada lelaki dan perempuan melalui Nabi Adam a.s dan isterinya Hawa, yang kemudiannya tersebar ke seluruh dunia dengan pelbagai jenis, sifat, warna kulit dan bahasa. Dalam hal ini, Ibnu Kathir menukulkan perkataan daripada Ibnu Abbas yang berkata: “Dijadikan perempuan itu daripada diri lelaki maka dijadikan keinginan perempuan kepada lelaki...” Selain itu, Ibnu Kathir menerangkan bahawa melalui ayat ini *Allah SWT* menerangkan bahawa asal kejadian manusia ialah daripada seorang ayah dan seorang ibu. Penciptaan manusia secara berpasangan ini menurut Ibnu Kathir bertujuan supaya manusia itu saling mengasihi antara sebahagian dengan sebahagian yang lain. Hal ini juga dijelaskan oleh Wahbah az-Zuhaili dan at-Tabari dalam penulisan mereka.

Melalui penjelasan di atas, kecenderungan seseorang terhadap jantina yang berbeza boleh mencetuskan daya tarikan romantik. Daya tarikan tersebut boleh berlaku melalui tarikan emosi dan jasmani yang membawa kepada hubungan intim (Yoo, drk. 2014). Hal ini dijelaskan melalui firman *Allah SWT* yang bermaksud:

“Dijadikan indah kepada manusia kecintaan terhadap benda-benda yang diinginkan oleh syahwat iaitu perempuan-perempuan...” (Surah Ali Imran: 14) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp.120)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa tarikan romantik di antara lelaki dan perempuan tidak terlepas daripada unsur syahwat yang boleh membawa kepada hubungan seks. Oleh itu, Islam mensyariatkan perkahwinan sebagai medium manusia menyalurkan kecenderungan terhadap jantina yang berbeza dengan cara yang halal. Perkahwinan juga membuktikan bahawa Islam mengiktiraf kecenderungan manusia terhadap jantina berbeza sebagai tuntutan fitrah. Firman *Allah SWT* yang bermaksud:

“Maka nikahlah kamu dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan...” (Surah al-Nisa’: 3) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp.179)

Wujudnya syariat ini sesuai dengan *maqasid as-syariah* (tujuan syariah) bagi memelihara maruah dan keturunan manusia. Hal ini sekaligus menafikan hubungan intim tanpa ikatan yang sah yang membawa kepada zina seperti hubungan seks bebas. *Al-Qur’an* dalam *Surah al-Isra’* ayat 32 melarang manusia agar tidak menghampiri zina kerana perbuatan tersebut boleh mendorong ke arah perkara yang diharamkan oleh syarak. Islam memberikan

perhatian terhadap perkara ini dengan menggariskan beberapa alternatif lain selain perkahwinan yang membolehkan manusia mengatur tuntutan fitrah tersebut sesuai dengan kemampuan mereka. Pertama, Islam menganjurkan agar setiap manusia menjaga pandangan mata dan memelihara kehormatan diri mereka dalam *Surah al-Nur* ayat 30-31. Kedua, Islam memerintahkan manusia agar menutup aurat supaya dapat memelihara diri daripada keburukan sebagaimana yang disebutkan di dalam *Surah al-Ahzab* ayat 59. Ketiga, Islam menganjurkan agar golongan yang masih tidak mampu berkahwin untuk berpuasa bagi menjaga diri daripada zina. Anjuran ini disebutkan oleh Nabi S.A.W di dalam hadis baginda yang bermaksud:

“Wahai pemuda, barangsiapa yang mempunyai kemampuan dalam kalangan kamu maka berkahwinlah kerana perkahwinan itu menjaga pandangan dan boleh menjaga kehormatan. Jika kamu tidak mampu maka berpuasalah kerana pada puasa itu ada penjagaan.” (Muttafaqun Alaih) (Halim, 1949). *Sharhu Sahih al-Bukhari Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Persama Press.

Lapuan dalam *al-Qur'an*

Walaupun tidak dapat ditemui di dalam *al-Qur'an* perkataan yang sepadan dengan istilah **lapuan**, namun sekiranya istilah **lapuan** merujuk kepada perbezaan peranan di antara lelaki dan perempuan, maka terdapat beberapa istilah dan ayat-ayat yang dapat dikaitkan dengan istilah tersebut (Nasaruddin, 2003). Nasaruddin menjelaskan bahawa *al-Qur'an* konsisten dalam menggunakan sesuatu istilah ketika menjelaskan tema tertentu (Anuar, 2013). Ketika mengungkapkan mengenai lelaki dan perempuan dalam aspek biologi, perkataan *al-dzakar* yang merujuk kepada lelaki dan *al-untha* yang merujuk kepada perempuan sering digunakan. Sementara itu, *al-Qur'an* juga menggunakan istilah *al-rojul* atau *al-rijal* yang merujuk kepada lelaki dan *al-mar'ah* atau *al-nisa'* yang merujuk kepada perempuan ketika mengungkapkan mengenai pengutuban lapuan (polarisasi gender).

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, terdapat beberapa tema tertentu yang digambarkan oleh *al-Qur'an* ketika menggunakan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan lelaki dan perempuan. Antara tema tersebut ialah ayat yang menyebutkan secara umum tentang penciptaan manusia kepada lelaki dan perempuan, ayat yang menjelaskan tentang dijadikan zuriat seseorang itu berjantina lelaki atau perempuan, ayat tentang ganjaran yang sama bagi lelaki dan perempuan yang membuat amal kebajikan, ayat yang menerangkan tentang sistem pembiakan (reproduktif) wanita serta ayat yang menyebutkan tentang lelaki dan perempuan itu diciptakan secara berpasangan. Merujuk kepada kitab 'Abd al-Baqi (1927) perkataan *al-dzakar* seringkali digandingkan

dengan perkataan *al-untha* atau *inatha*. yang banyak digunakan untuk merujuk kepada tema-tema yang berkaitan seperti yang disenaraikan di dalam Jadual.

Walau bagaimanapun, wujud dakwaan daripada golongan sarianis (esensialis) barat yang berpandangan homoseksual juga merupakan entiti jantina yang sarian dan semulajadi sebagaimana yang telah diterangkan pada bahagian sebelum ini. Evelyn Hooker dan Alfred Kinsey merupakan sarjana barat yang menjadi perintis kepada kajian saintifik barat terhadap biologi manusia untuk hal tersebut (Sullivan, 2003). Kedua-dua sarjana ini berusaha menjalankan penyelidikan empirik dalam bidang keseksualan manusia untuk menyangkal tuduhan bahawa kecitaliwatan merupakan salah satu penyakit mental seperti yang dilontarkan oleh ahli psikologi dan perubatan barat. Lebih terperinci, terdapat beberapa sainsis barat yang menjalankan penyelidikan terhadap beberapa unsur biologi manusia untuk menyokong kesarianan citaliwat.

Sebagai contoh, satu kajian mengenai otak telah dijalankan oleh Le Vay (1991) ke atas 35 mayat lelaki dan 6 mayat perempuan. Beliau mengkaji saiz struktur bahagian otak yang disebutkan sebagai INAH3; yang dikaitkan dengan perlakuan citasanggama haiwan. Melalui kajian tersebut, didapati bahawa heterocitasanggama lelaki mempunyai INAH3 yang lebih besar berbanding heterocitasanggama perempuan dan citaliwat lelaki. Le Vay merumuskan bahawa orientasi citasanggama seperti kecitaliwatan mempunyai kaitan dengan biologi. Namun, kajian tersebut diragui kerana 6 daripada 16 mayat yang dikatakan heterocitasanggama lelaki mati disebabkan penyakit *AIDS* sehingga memberi kesan kepada peratusan populasi citasanggama dalam kajian tersebut secara umum (Sprigg, 2007). Kajian ini juga dianggap sebagai bermasalah kerana menyamakan perlakuan citasanggama manusia dan haiwan. Hal ini disebutkan oleh Stein (2002) yang menegaskan terdapat jurang yang berbeza dalam perlakuan citasanggama antara spesies yang berbeza.

Selain menggunakan kajian sains, terdapat pengamal citaliwat beragama Islam, seperti Hendricks (2011) yang menyokong kecitaliwat sebagai sesuatu yang semulajadi. Beliau mendakwa bahawa ayat 21 *surah al-Rum* yang bermaksud, “*Bahawa Kami menciptakan pasangan kamu dari jenis kamu sendiri dan dijadikan di antara kamu mawaddah dan rahmat*” terjemahan siapa?? tidak merujuk kepada lapuan secara khusus (Najib drk. 2013). Bahkan beliau mentafsirkan ayat tersebut jelas menunjukkan *al-Qur’an* membenarkan hubungan sejenis dan penciptaan manusia dari jantina yang sama secara berpasang-pasangan bertujuan untuk mencipta ketenangan di antara mereka (Hendricks, 2011). Beliau juga mendakwa bahawa *Allah SWT* tidak menyebutkan orientasi heteroseksual merupakan satu-satunya orientasi citasanggama yang sesuai dengan manusia. Sekiranya orientasi citasanggama yang hanya dibenarkan ialah orientasi heterocitasanggama, maka *Allah*

SWT akan menyebutkannya secara jelas. Beliau kemudiannya memetik ayat 36 dari *surah Yasin* berikut bagi membuktikan kewujudan kepelbagaian dan variasi dalam orientasi citasanggama yang diciptakan oleh Allah SWT.

“Maha suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya.” (Surah Yasin: 36) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp. 1165)

Pandangan Hendricks tentang kedua-dua ayat *al-Qur'an* didapati bertentangan dengan firman Allah yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan. Dari (setitis) air mani kemudian dipancarkan (ke dalam rahim).” (Surah *al-Najm*: 45-46) Tafsir Pimpinan ar-Rahman (2000, 1429-1430)

Menurut al-Zuhaili (1998, juzuk 27:131), Allah menjadikan lelaki dan perempuan bagi spesies manusia dan haiwan daripada air mani yang sedikit dan kemudiannya ditanamkan di dalam rahim. Pandangan ini menjadi hujah terdapat fungsi, pembiakan yang boleh menyebabkan lahirnya zuriat melalui hubungan citasanggama di antara lelaki dan perempuan.

Selain itu, pandangan Henricks turut bertentangan dengan tafsiran beberapa *mufassirin* terhadap ayat-ayat berkaitan. Misalnya, al-Tabari (2000; juzuk 18:478) mentafsirkan ayat 21 *surah al-Rum* dengan menegaskan bahawa antara bukti kekuasaan Allah ialah Dia mencipta pasangan bagi Nabi Adam iaitu Hawa dari dirinya sendiri yang dijadikan dari tulang rusuknya. Wahbah al-Zuhaili (1998, juzuk 21:67) juga menyatakan hal yang sama dengan menambah bahawa Allah menjadikan perempuan dari diri lelaki. Manakala al-Sobuni (1997, juzuk 2:438) menjelaskan bahawa ayat tersebut membuktikan kesempurnaan kudrat Allah yang menjadikan pasangan bagi manusia dari spesies yang sama, bukan dari jenis haiwan atau tumbuhan. Beliau juga menyebutkan tafsiran Ibnu Abbas tentang perkataan “mawaddah” dalam ayat tersebut merujuk kepada kecintaan seorang lelaki kepada isterinya.

Al-Tabari (2000, juzuk 19:433) menjelaskan konteks ayat 36 dari *surah Yasin* berkenaan dengan penciptaan zuriat berpasangan-pasangan dari diri mereka iaitu orang musyrikin yang dijadikan dari kalangan lelaki dan perempuan. Al-Sobuni (1997, juzuk 3:12) juga menyatakan hal yang sama bahawa “makhluk yang berpasangan dari diri mereka” bermaksud pasangan lelaki dan perempuan. Tafsiran yang hampir sama juga diberikan oleh *mufassirin* terhadap beberapa ayat lain di dalam *al-Qur'an* yang mengandungi perkataan “*azwaja*”². Hal ini menggambarkan bahawa hubungan di antara lelaki dan perempuan merupakan orientasi seksual yang diiktiraf

oleh *al-Qur'an*.² Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1990, juzuk 1, 468) *Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar wa al-Maktabah al-Hilal. Juzuk 1, 468) hikmah dijadikan penciptaan perkahwinan berlainan jenis ialah supaya berlakunya pengembangan zuriat yang mendorong keberlangsungan kehidupan manusia. Firman Allah SWT:

“Dia lah yang menciptakan langit dan bumi; Dia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan menjadikan dari jenis binatang-binatang ternak pasangan-pasangan (bagi bintang-binatang itu); dengan jalan yang demikian dikembangkan-Nya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dia lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.” (Surah al-Syura:11) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp. 1285)

Hal ini bukan sahaja bertepatan dengan fitrah manusia bahkan tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Firman Allah: *“Dan dari tiap jenis buah-buahan Dia jadikan padanya pasangan: dua-dua...” (Surah al-Rad: 3) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp. 577) Al-Zuhaili (1998, juzuk: 3-105) menerangkan ayat ini dengan memberikan contoh pohon kurma yang mempunyai dua jenis iaitu pohon jantan dan betina. Beliau juga menyatakan bahawa pokok atau tanaman tidak akan membuah hasil kecuali dengan persenyawaan di antara dua jenis berbeza, iaitu jantan dan betina. Pokok jantan dikahwinkan dengan pokok betina atau bunga jantan dikahwinkan dengan bunga betina untuk mendapatkan hasil yang lebih berkualiti. Malah secara fitrahnya, haiwan jantan lebih berminat dengan haiwan betina (Yoshida, 2014).*

Oleh itu, fungsi pembiakan yang terdapat dalam diri manusia adalah selari dengan tujuan manusia diciptakan secara berpasang-pasangan. Hubungan sejenis tidak akan dapat memanfaatkan fungsi reproduktif yang dimiliki oleh manusia iaitu untuk mengembangkan zuriat. Hubungan tersebut juga tidak mampu mencipta kasih sayang dan kebahagiaan sebagaimana yang boleh diperolehi daripada hubungan di antara lelaki dan perempuan seperti yang dinyatakan di dalam firman Allah SWT sebelum ini.

Pengharaman Citaliwat dalam Islam

Para *fuqaha'* telah menggunakan kaedah *istinbat* hukum terhadap ayat-ayat *al-Qur'an* tentang umat Nabi Luth a.s. bagi menentukan pengharaman **citaliwat** (Najib drk. 2013). Kisah umat Nabi Luth disebutkan di dalam *al-Qur'an* melalui firman yang bermaksud:

“Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang

pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu Dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". Dan tidak ada jawapan dari kaumnya selain daripada berkata: "Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri". Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya (serta pengikut-pengikutnya) melainkan isterinya, adalah ia dari orang-orang yang dibinasakan. Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, lihatlah, bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan." (Surah al-A'raf: 80-84) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp. 364)

Menurut al-Zuhaili (1998, juzuk 8:282), ayat ini menceritakan tentang kisah dan kaum Nabi Lutd (*ahli as-Sudum*) yang melakukan perbuatan dosa tanpa kehormatan dan kesucian. Penegasan Allah dalam petikan ayat di atas iaitu "*Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu?"* menunjukkan bahawa perbuatan tersebut adalah bertentangan dengan fitrah manusia. (Wahbah al-Zuhaili, juzuk 8, 283) Amru Ibnu Dinar berkata sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibnu Kathir (2004;308) dalam tafsirnya, "Tidak ada seorang lelaki pun yang menyetubuhi lelaki lain kecuali kaum Nabi Luth yang merupakan kaum pertama yang melakukannya." Kaum Nabi Luth ini dikatakan oleh Ibnu Kathir merupakan kaum yang enggan terhadap wanita yang secara fitrahnya diciptakan oleh Allah untuk lelaki, sebaliknya mereka mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu seks mereka. Para lelaki mereka melampiaskan nafsu terhadap lelaki lain dan begitu juga para wanita yang melampiaskan nafsu terhadap perempuan lain (Ibn Kathir, 2005).

Menurut Najib drk. (2013:202), "ayat *al-Qur'an* di atas memperakui bahawa menyalurkan syahwat atau keinginan citasanggama kepada jalan yang dibenarkan syariat adalah sah, namun perlakuan homoseksual dianggap oleh *al-Qur'an* sebagai perbuatan israf iaitu perbuatan yang melampaui batas yang dilarang oleh *al-Qur'an*". Al-Qurtubi (1964, juzuk 7:243) pula mentafsirkan bahawa perbuatan mendatangi lelaki disebut oleh Allah sebagai "*fahisyah*" dengan tujuan merujuk perbuatan tersebut sebagai zina.

Menurut al-Qurtubi (1964, juzuk 7:243) para ulama bersepakat tentang pengharaman perbuatan tersebut, namun mereka berbeza pendapat tentang hukum yang patut dikenakan terhadap pelakunya jika didapati bersalah. Imam Malik (al-Qurtubi, 1964) berpendapat bahawa pelaku yang belum berkahwin dan sudah berkahwin hendaklah dikenakan hukuman rejam. Imam *Abu Hanifah* (al-Qurtubi, 1964) pula berpandangan bahawa pelaku sama ada yang belum atau sudah berkahwin hendaklah dikenakan hukuman takzir.

Imam Syafie_(al-Qurtubi, 1964) menyatakan bahawa hendaklah pelaku dikenakan hukuman hudud sebagaimana orang yang melakukan zina (al-Qurtubi, 1964). Al-Zuhaili (1998, juzuk 8:283) menyifatkan perbuatan mendatangi belakang lelaki adalah perbuatan abnormal yang melampaui batas. Perbuatan ini menurut beliau akibat kejahilan manusia yang meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Beliau turut berpandangan pelaku sebagai orang yang tidak menghargai kesihatan badan yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T kerana telah melakukan perkara yang berlawanan fitrah dan logik akal.

Selain daripada ayat di atas, *kecitaliwatan* turut disebutkan dalam hadith *Nabi S.A.W* dengan terma *liwat* dan *al-sihaq* (Najib drk. 2013:202). Perbuatan dosa dalam hukum Islam diikuti dengan hukuman bagi pesalahnya. Dalam konteks *kecitaliwatan*, *al-Qur'an* secara jelas menyebutkan tentang azab bagi pelaku homoseksual dalam beberapa ayat *al-Qur'an*. Antaranya ialah:

- 1) Allah menterbalikkan negeri kaum Nabi Lutd dengan menimbus segala apa yang ada di atas muka bumi. Lalu mereka dihujani dengan batu-batu dari tanah yang dibakar dengan bertalu-talu (*Surah Hud* ayat 82).
- 2) Kaum Nabi Lutd dihancurkan dengan hujan azab yang membinasakan (*Surah al-Syu'ara*, ayat 172-173).
- 3) Allah menimpakan azab yang kekal bagi mereka pada keesokan harinya (*Surah al-Qamar*, ayat 38).

Oleh itu, dapat disimpulkan pelaku yang mengamalkan perlakuan sanggama yang bersifat keji (*fahisyah*), nafsu (*syahwat*) dan melampaui batas (*israf*) diancam dengan azab dan ancaman yang keras oleh Allah SWT. Azab ini menggambarkan betapa perbuatan tersebut membawa implikasi buruk terhadap pelakunya dan masyarakat. Antara implikasi terhadap pelaku ialah gangguan mental dan emosi. Konflik emosi akan berlaku ketika pelaku menyembunyikan identitinya kerana menganggap dirinya mempunyai perasaan yang berbeza dengan orang lain. Mereka berasa malu dan menyalahkan diri sendiri kerana melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama dan seterusnya akan membentuk nilai-nilai yang negatif dalam diri mereka. Nilai-nilai tersebut termasuklah keyakinan diri yang rendah, menyisihkan diri dan kebencian yang boleh membawa kepada gejala kemurungan dan bunuh diri (Buchanan drk. 2001). Pelaku juga berisiko tinggi untuk menghadapi penyakit *HIV* kesan daripada perlakuan seks bebas (Lasala, 2016).

Menurut Izwan (2016) Perlakuan *LGBT* atau *MMDT* (*muththahih, muththal, dwijantina, trans-lapuan*) boleh memberikan implikasi buruk kepada masyarakat terutamanya terhadap institusi keluarga. Perlakuan tersebut merosakkan tradisi keluarga nuklear yang terdiri daripada seorang ayah dan ibu. Perkahwinan sejenis tidak boleh memainkan peranan untuk mengembangkan zuriat kerana persamaan fungsi pembiakan jantina sejenis. Walaupun mereka boleh mengambil anak angkat, pasangan

sejenis tidak akan dapat menggantikan peranan semulajadi ibu dan bapa. Hal ini kerana, masalah kanak-kanak hanya dapat dipelihara oleh individu yang mempunyai kemampuan untuk menjalankan peranan sebagai ibu dan bapa sesuai dengan fitrah yang ada pada diri mereka. Malah, *The American College of Pediatricians* menggesa masyarakat menolak perkahwinan sejenis kerana perkahwinan tersebut melanggar hak kanak-kanak yang memerlukan ibu dan bapa.

Citaliwat kesan binaan sosial

Al-Qur'an mencatatkan bahawa tidak ada kaum sebelum kaum Nabi Lutd yang melakukan perbuatan citaliwat. Hal ini bermaksud, kaum Nabi Lutd yang digelar sebagai kaum Sodom merupakan kaum pertama yang melakukan perbuatan tersebut. Ibnu Kathir (2004, 308) menyatakan bahawa perbuatan yang dilakukan oleh kaum Nabi Lutd ialah hasil daripada kebodohan mereka sendiri. Ibnu Asakir (1995, 50:313), menukilkan perkataan Ibnu Abbas yang menyatakan sebab bermulanya perbuatan kaum Lutd. Dikatakan bahawa telah datang iblis kepada mereka dengan rupa bentuk seorang pemuda yang memiliki rupa paras yang indah. Iblis tersebut menjemput mereka datang pada dirinya sendiri dan melakukan hubungan jenis dengannya. Kemudian, mereka meneruskan perbuatan tersebut sesama mereka. Hal yang sama turut disebutkan oleh Qurtubi (164,7:245) dalam kitab beliau *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* ketika menukilkan perkataan *al-Naqqash* tentang perkara tersebut. Perbuatan syaitan yang menyesatkan ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui ayat berikut:

“Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan dan sesiapa menurut jejak langkah syaitan maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh pengikut-pengikutnya melakukan perkara yang keji dan perbuatan mungkar...” (Surah al-Nur: 21) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp. 895)

Melalui pandangan di atas, boleh difahami bahawa perbuatan citaliwat yang dilakukan oleh kaum Nabi Lutd ialah hasil yang dipelajari daripada iblis. Sebagaimana yang dikatakan oleh Jeffrey Weeks mengenai binanisme, kecitasanggama ialah suatu tingkah laku atau tindakan yang dipelajari oleh manusia (Jefson, 2005). Informasi yang diterima hasil daripada pembelajaran tersebut menerbitkan dorongan dan keinginan citasanggama dari dalam diri manusia yang kemudiannya disembarkan melalui interaksi sosial. Oleh sebab itulah citaliwat dikatakan bukanlah sesuatu yang inheren, yang secara semulajadinya wujud dalam diri manusia (Weeks, 1981). Sebaliknya, kecitaliwatan merupakan hasil daripada binaan sosial. Hal ini bertepatan dengan pandangan Dank, Bell dan Weinberg (Storms, 1980) yang menyatakan kepercamaan citasanggama

merupakan sesuatu yang dibina, dibangunkan dan dikekalkan melalui proses interaksi sosial. Penegasan *al-Qur'an* tentang perlakuan kaum Nabi Lutd yang tidak pernah dilakukan oleh kaum sebelumnya mengukuhkan lagi tafsiran ontologi mengenai binaisme sosial bahawa perlakuan citaliwat merupakan sesuatu yang berlaku pada masa tertentu seperti yang dikatakan oleh Raja Halwani (1998). Dari segi epistemologinya, fenomena kecitaliwatan dan kecitaliwatan tidak diketahui oleh masyarakat sebelum pelakuan homoseksual itu diwujudkan. Ibnu Kathir (2004, 308) dalam tafsirnya menukilkan perkataan Khalifah Umawiyah iaitu al-Walid Ibnu Abdul Malik yang mengatakan, “Sekiranya Allah SWT tidak menceritakan kepada kita mengenai berita kaum Nabi Lutd, nescaya saya tidak percaya adanya lelaki yang menaiki lelaki yang lain (mengadakan hubungan sejenis.” Kenyataan ini menegaskan bahawa sekiranya kisah perlakuan citaliwat yang dinyatakan oleh kaum Nabi Lutd tidak diceritakan oleh Allah SWT di dalam *al-Qur'an*, maka manusia tidak akan percaya wujudnya perlakuan tersebut. Hal ini bermaksud, manusia sama sekali tidak mempunyai pengetahuan tentang perlakuan tersebut disebabkan fenomena tersebut tidak berlaku dan konsep tentangnya juga tidak diketahui. Selain itu, kejahatan dalaman (*inner evil*) yang lahir daripada kejahatan moral (*moral evil*) dan kejahatan semulajadi (*natural evil*) dalam diri individu mendorong keinginan manusia untuk melakukan tindakan yang buruk (Swinburne, 2004). Interaksi di antara individu-individu yang berpandukan kejahatan dalaman ini melahirkan kejahatan sosial (*social evil*) yang berpotensi memberikan kemudaratan kepada masyarakat. Maka, interaksi sosial di antara mereka yang mempunyai kecenderungan sejenis menghasilkan sub-budaya citaliwat yang ada pada zaman lalu sehingga kini.

Manakala menurut perspektif Islam, manusia dijadikan daripada dua unsur utama, iaitu unsur jasmani dan rohani yang dipandu oleh akal dan hati (jiwa). Hati dan akal mempunyai kemampuan untuk mendorong anggota badan ke arah kebaikan. *al-Qur'an* membahagikan jiwa manusia kepada tiga bahagian iaitu *nafsu ammarah*, *nafsu lawwamah* dan *nafsu muthmainnah*. Nafsu ammarah merupakan nafsu yang sentiasa mengajak kepada kemungkaran seperti yang disebutkan dalam firman yang bermaksud: “*Sesungguhnya nafsu ammarah itu sangat menyuruh melakukan kejahatan...*” (*Surah Yusuf: 53*). *Nafsu lawwamah* pula ialah kombinasi di antara unsur kebaikan dan kejahatan namun nafsu yang baik mendominasi nafsu yang jahat. Nafsu ini disebut di dalam *Surah al-Qiyamah* ayat 2. Manakala nafsu *mutdmainnah* ialah nafsu yang mempunyai unsur kebaikan sahaja, sebagaimana yang disebutkan di dalam *Surah al-Fajr* ayat 27. Kualiti yang ada pada hati manusia berupaya mencorakkan pembentukan kepercayaan dan sikap yang menjurus ke arah kebaikan.

Melalui pembahagian tersebut, perlakuan homoseksual boleh dikategorikan kepada nafsu ammarah kerana nafsu untuk

melakukan kejahatan dan kemaksiatan mendominasi diri pelaku. Interaksi sosial di antara pelaku boleh mendorong orang lain untuk melakukan kemaksiatan kepada Allah. Hal ini jelas dilihat dalam kisah kaum Sodom yang melakukan perbuatan citaliwat dan menyuruh orang lain melakukan perbuatan tersebut sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. *al-Qur'an* mengakui wujudnya kejahatan sosial yang dilakukan oleh umat manusia dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari Syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. Dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. Oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu.” (Surah *al-An'am*: 112) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp. 319)

Kecitaliwatan dalam Ideologi Barat

Menurut Gahringer (1955), liberalisme merupakan suatu pandangan umum manusia tentang politik dan sosial, manakala manusiaisme (humanisme) berkait dengan unsur metafizik dan kemoralan. Liberalisme menjamin kewibawaan bagi merealisasikan kebebasan manusia, manakala manusiaisme menjamin kewibawaan untuk merealisasikan keindividualan bagi manusia. Oleh itu, gabungan di antara liberalisme dan manusiaisme barat meletakkan bahawa kebebasan manusia di dunia ini hanya boleh dikatakan sebagai kebebasan apabila manusia secara jelasnya dianggap sebagai individu. Manusiaisme sama sekali menolak agama dalam kehidupan manusia dengan menggantikan penyembahan terhadap tuhan kepada penyembahan terhadap manusia. Manusia menjadi sumber yang mutlak bagi manusiaisme menggantikan ajaran agama yang sepatutnya menjadi sumber kepada kebebasan manusia. Penyerapan ideologi manusiaisme yang dianggap sebagai “agama” dalam pemikiran manusia melahirkan cara fikir yang liberal, yang bertentangan dengan pemikiran konservatif (Gahringer, 1955). Tidak banyak perbincangan yang memfokuskan terhadap kecitaliwatan dalam kalangan tokoh awal liberalis seperti Hobbes, Locke dan Rousseau. Namun, ketiga-tiga tokoh tersebut menghadkan perbincangan mereka tentang keliwatan kepada orientasi heterocitasanggama yang menurut mereka bersesuaian dengan keadaan tabii. Umpamanya mengikut Rousseau, seperti yang dipetik oleh Reed (2012), mencadangkan hubungan heterocitasanggama sebagai satu-satunya orientasi citasanggama di dalam keadaan tabii dan kecitasanggamaan manusia yang lahir secara semulajadi akan menghasilkan kebergantungan antara satu sama lain.

Dalam hal ini, kita dapat menyimpulkan bahawa pemikiran liberal dalam menanggapi kecitasanggamaan masih belum wujud ketika awal kemunculan pemikiran liberalisme zaman tokoh-tokoh liberalis yang disebutkan di atas. Penyerapan ideologi pada manusiaisme dalam menanggapi kecitasanggamaan khususnya kecitaliwatan berlaku secara perlahan-lahan melalui proses peliberalan. Pegangan terhadap heteroseksual normatif yang pada mulanya dianggap sebagai satu-satunya orientasi seksual yang semulajadi tercabar dengan kehadiran penyelidikan sains seperti yang dilakukan oleh Alfred Kinsey yang akhirnya membentuk teori-teori baharu yang lebih liberal dalam bidang kecitasanggamaan. Hal ini menjurus kepada lahirnya kepercayaan baru, iaitu manusiaisme sekular.

Whitehead dan Conlan mendefinisikan manusiaisme sekular sebagai suatu agama yang mendoktrin penyembahan terhadap manusia yang dianggap sebagai sumber segala ilmu pengetahuan dan kebenaran yang bertentangan dengan teisme yang menyembah tuhan sebagai ilmu pengetahuan dan kebenaran (Tourmey, 1993). Manusiaisme Sekular meletakkan manusia sebagai pusat autonomi segala aspek di dalam kehidupan yang dianuti oleh mereka yang mempercayai bahawa moral merupakan perkara yang tidak wujud. Bagi fundamentalis seperti Tim LaHaye (Tourmey, 1993), segala perbuatan yang tidak bermoral termasuklah perbuatan citaliwat merupakan akibat daripada pengaruh manusiaisme sekular. Selain itu, LaHaye menganggap penyakit sosial yang wujud dalam masyarakat moden di barat turut berpunca daripada ajaran baru tersebut (Robbins dan 'Almer, 1997).

Tahun 1960 ditandakan sebagai tahun revolusi citasanggama oleh ahli sosiologi barat menjelaskan bahawa tahun tersebut merupakan kemuncak proses kecitasanggama dalam yang mengubah landskap masyarakat barat. John Frank dalam penulisannya mengenai individualiti dan liberalisme dalam kecitasanggaman, menegaskan bahawa perkembangan yang dinamik dalam penerimaan terhadap golongan muththali (*gay*) dan muththalih (*lesbian*) ialah disebabkan oleh penyebaran idea individualisme (Frank dan Mceneany, 1999). Penyebaran idea tersebut menurutnya ialah dengan mengangkat hak individu itu membebaskan manusia daripada komuniti, agama, sekatan keluarga dan melemahkan perbezaan lapuan. Selain itu, faktor-faktor lain seperti kemerosotan pegangan masyarakat terhadap institusi kekeluargaan, emansipasi wanita, kewujudan alat perancangan keluarga dan kemunculan penyelidikan-penyelidikan baru mengenai kecitasanggaman membantu proses peliberalan kecitasanggaman. Penyerapan ideologi manusiaisme dalam proses peliberalan ini membentuk budaya baru dalam masyarakat barat yang secara langsung memberi ruang yang luas kepada proses peliberalan polisi negara dan seterusnya menggalakkan gerakan citaliwat. Di dalam budaya baru yang menjadikan individu sebagai sumber mutlak, setiap manusia mempunyai autoriti terhadap

kehidupan mereka sendiri termasuklah dalam perkara yang berkaitan dengan sanggama. Pengaruh idea manusiaisme individual dan liberalisme dalam kehidupan manusia inilah yang menjadi asas kepada pengamalan kecitaliwatan.

Tujuan sesuatu perintah dan larangan yang ditetapkan dalam Islam mempunyai hikmah yang bertujuan memberikan kemaslahatan kepada kehidupan manusia. Larangan budaya citaliwat dalam Islam mempunyai hikmah yang amat luas terutamanya dalam menjaga maruah dan keturunan manusia. *Al-Qur'an* mencela manusia yang menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan sehingga mengenenpikan kebenaran dan peringatan yang telah diberikan kepada mereka sebagaimana firman berikut:

“Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuinya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya, serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang-orang yang ingkar) tidak ingat dan insaf?” (Surah al-Jathiyah: 23) Sheikh Abdullah Basmeih (2000, pp. 1337)

Kesimpulan

Kecitaliwatan boleh dirumuskan sebagai sesuatu yang dilakukan oleh suatu kumpulan tertentu dengan ikatan-budaya tertentu dan ikatan-masa tertentu. Ayat-ayat *al-Qur'an* jelas menggariskan bahawa manusia diciptakan secara semulajadi sebagai lelaki dan perempuan serta berpasang-pasangan. Hal ini membuktikan bahawa perbuatan citaliwat jelas menyimpang daripada apa yang telah digariskan oleh *al-Qur'an*. Tafsir para ulama mengenai kisah kaum Nabi Lutd A.S menggambarkan bahawa kecitaliwatan wujud hasil daripada binaan sosial. Sumber amalan citaliwat turut dikaitkan dengan ideologi barat iaitu liberalisme, manusiaisme sekular dan individualisme.

(Jadual ini perlu dirujuk dalam teks)
Jadual

Rajah 1: Taburan ayat-ayat al-Quran mengenai lelaki dan perempuan

Tema	Ayat
Ayat yang menyebutkan secara umum tentang penciptaan	1. <i>Surah al-Hujurat</i> 49:13

manusia yang terdiri daripada lelaki dan perempuan	2. <i>Surah al-Qiyamah</i> 75:39 3. <i>Surah al-Lail</i> 92:3
Ayat yang menjelaskan tentang dijadikan zuriat seseorang itu berjantina lelaki atau perempuan	1. <i>Surah Ali Imran</i> 3:36 2. <i>Surah al-Syura</i> 42:49 3. <i>Surah al-Syura</i> 42:50
Ayat tentang ganjaran yang sama bagi lelaki dan perempuan yang membuat amal kebajikan	1. <i>Surah al-Nahl</i> 16:97 2. <i>Surah Ali Imran</i> 3:195 3. <i>Surah al-Nisa'</i> 4:124 4. <i>Surah al-Nahl</i> 16:97 5. <i>Surah Ghafir</i> 40:40
Ayat yang menerangkan tentang sistem pembiakan wanita serta ayat yang menyebutkan tentang lelaki dan perempuan diciptakan secara berpasangan	1. <i>Surah al-Ra'd</i> 13:8 2. <i>Surah Fatir</i> 35:11 3. <i>Surah Fushilat</i> 41:47
Ayat yang menyebutkan tentang lelaki dan perempuan diciptakan secara berpasangan	1. <i>Surah al-Najm</i> 53:45

Nota Kaki

¹ Merujuk *Mu'jam al-Mufahras al-Alfaz al-Quran al-Karim*, terdapat enam tempat lain di dalam *al-Quran* yang menyatakan bahawa Allah menciptakan manusia berpasang-pasangan, iaitu *surah al-Ra'd*, ayat 38, *surah al-Nahl* ayat 72; *surah Fatir* ayat 11; *surah al-Syura*, ayat 11, *surah al-Tahrim*, ayat 5, dan *surah al-Naba'*, ayat 8.

² Rujuk *Mu'jam al-Mufahras al-Alfaz al-Quran al-Karim*, 333

Rujukan

- 'Abd al-Baqi', M.F., (1927), *Mu'jam al-Mufahras al-Alfaz al-Quran al-Karim*. Mesir; Dar-al-Kutub al-Misriyyah.
- al-Nadwy, M.U., (2004). *Tafsir Ibnu Qayyim*. Jakarta: Darussalam, 617.
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abu Bakr al-Ansari. (1964). *Tafsir al-Qurtubi*. Kaherah: Dar al Kutub al-Misriyyah.
- al-Sobuni, M.A. (1937). *Sof Natal al-Jafasir*. Kaherah: Dar al-Sobuni.

- al-Tabari, M.b.J.b.Y.b.K.b.G. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wili al-Quran*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- al-Zuhaili, W.b.M. (1998). *Tafsir al-Munir fi al-Aqidah, as-Syariah wa al-Manhaj*, Damsyiq: Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Anuar, M. b.R (2013). Analisis Gender dalam Hukum Islam. *Journal of Fiqh* 9, (2013): 137-162.
- APA Council of Representatives. (2011). *The Guidelines for Psychological Practice with Lesbian, Gay, and Bisexual Clients*. <http://www.apa.org/pi/lgbt/resources/guidelines.aspx> (tercapai Mei 24, 2017).
- Azram, M. (2011). Epistemology An Islamic Perspective, *IUM Engineering Journal*, 12(5): 179-187.
- Buchanan, M. (2001), Challenges of being Simultaneously Gay or Lesbian and Spiritual and/or Religious: A Narrative Perspectives. *The American Journal of Family Theraphy*, 29(5).
- El-Muhammady M.U. (2012), *Hubungan Gender dalam Islam, Wacana Kemungkarannya LGBT*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia Jalan Semarak.
- Farid M. b. M.S. (2009). Asas-Asas Akliyah Dalam Teologi Islam: Analisa Terhadap Beberapa Pemikiran Kalam Fakhr Al-Din Al-Razi. *Kertas kerja Seminar Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam*, ASASI. UIAM.
- Frank, M. E. H. (1999). The Individualization of Society and the Liberalization of State Policies on Same-Sex Sexual Relations. *Social Forces* 77(3), 912.
- Foucault, M. (1978). *The History of Sexuality*. New York: Pantheon Books.
- Gahringer, R.E. (1955), Liberalism and Humanism, *Ethics* 66 (1), 36-50.
- Halim, A. (1949). *Sharhu Sahih al-Bukhari Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Persama Press.
- Hendricks, M. (2011). Diversity of Sexuality in Islam: Interview with Imam Muhsin Hendricks. *Cross Current* 61(4), 496-501.
- Horowitz, J.L. & Newcomb, M.D. (2002). A Multidimensional Approach to Homosexual Identity. *Journal of Homosexuality* 42 (2), 10.
- Ibnu Asakir. (1995). *Tarikh Damsyiq*, Beirut: Dar al-Fikru. 50:313.
- Ibnu Kathir, I.b.U. (2004). *Tafsir al-Quran al-'Azim*, cet. Ke-6. Beirut: Dar as-Salam al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibnu Kathir. (2005). *Tafsir Ibnu Katsir*. (M. Yusuf Harun, et.al) eds. Indonesia: Pustaka Imam Syafi'i. Juzuk 3, 414.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (1990). *Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar wa al-Maktabah al-Hilal. Juzuk 1, 468.
- Izwan, M.M.Y. (2016). Perspektif Komuniti Gay, Lesbian dan Transgender Muslim di Malaysia Terhadap Perkahwinan Di Dalam al-Quran. *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jefson, C. A. (2005). A Review of The Social Construction of Sexuality. *American Journal of Sexuality Education* 1(1), 186.

- Kinsey, A.C. Pomeroy, W.B. Martin C.E. (1998). *Sexual Behavior in the Human Male*, Indiana: Indiana University Press.
- LaSala, M. C. (2016). The Role of Family Interaction in HIV Risk for Gay and Bisexual Youth: A Pilot Study. *Journal of Family Social Work* 19 (2).
- Le Vay, S. (1991). A Difference in Hypothalamic Structure Between Homosexual and Heterosexual Men. *Science* 253: 1034-1037.
- Mutua, M. W. (2011). Sexual Orientation and Human Rights: Putting Homophobia on Trial. *Buffalo Legal Studies Research Paper* 2012(006).
- Nasr, Seyyed Hossein. The Male and Female in Islamic Perspective. *Studies in Comparative Religion* 14 (1&2), 1-9.
- Najib M. b.A.K, Mazlan b.I & Izwan M.Y. (2013). Persepsi Komuniti LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender) Muslim Terhadap Nas Al-Qur'an. *Jurnal ILIM*, 198.
- Nasaruddin, U. (2003). *Teologi Jender Antara Mitos dan Teks Kitab Suci*. Jakarta: Pustaka.
- Nicolosi, J. (1997). *Reparative Therapy of Male Homosexuality*. United States: Rowman & Littlefield Publishers, 235.
- OED online, December 2014. Oxford University Press. <http://ezproxy.um.edu.my:2060/view/Entry/177097?redirectedForm=sexuality> (tercapai Mei 24, 2017)
- Peterson, E. & Campbell, W. (2012). *Human Sexuality: Handbook on Sexuality: Perspectives, Issues and Role in Society*. New York: Nova Science Publishers.
- Raja Halwani (1998). Essentialism, Social Constructivism and The History of Homosexuality. *Journal of Homosexuality* 35 (1) 25-51.
- Reed, R.L. (2012), *Liberty and Sexuality: Sexual Orientation, The Social Contract and Civil Rights*, Disertasi Doktor Falsafah, United States: University of California, 52.
- Robbins, T. & 'Almer, S.J. (1997). *Millenium, Messiahs and Mayhem: Contemporary Apocalyptic Movements*. New York: Routledge, 199.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2000). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Sprigg, P. (2007), *Homosexuality is Not a Civil Rights*. United States: Family Research Council, 5.
- Stein, E. (2002). Précis of The Mismeasure of Desire: The Science, Theory and Ethics of Sexual Orientation. *Law and Philosophy*, 21, (3):307.
- Stein, T.S. (1998). Social Constructionism and Essentialism: Theoretical and Clinical Considerations Relevant to Psychotherapy. *Journal of Gay & Lesbian Psychotherapy* 2(4):30.
- Storms, M. D. (1980) Theories of Sexual Orientation. *Journal of Personality and Social Psychology* 38(5): 783.
- Sullivan, M.K. (2003). Homophobia, History, and Homosexuality. *Journal of Human Behavior in the Social Environment* 8(2-3):6.

- Swinburne, R. (2004). *The Existence of God*. New York: Oxford University Press.
- Terman, L.W. & Miles, C.C. (1936). *Sex and Personality*: London: Mc Graw-Hill.
- The American College of Pediatricians. <https://www.acpedcs.org/the-college-speaks/pr/say-no-to-same-sex-marriage> What The American College of Pediatricians.
- Tourmeny, C.P. (1993). Evolution and Secular Humanism. *Journal of the American Academy of Religion* 61(2): 275-301.
- Tripp, C.A. (1975). *The Homosexual Matrix*. London: Mc Graw-Hill.
- Troiden, R.R. (1989). The Formation of Homosexual Identities. *Journal of Homosexuality* 17(1-2): 43-73.
- Weeks. (1981). *Discourse, Desire and Sexual Deviance: Some Problems in a History of Homosexuality*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Yoo, H., Bartle-Haring, S., Day R.D. & Gangamma, R. (2014). Couple Communication, Emotional and Sexual Intimacy, and Relationship Satisfaction. *Journal of Sex and Marital Therapy* 40 (4): 275-293.
- Yoshida, M. (2014). Sperm Chemotaxis: The First Authentication Events Between Conspecific Gametes Before Fertilization. *Sexual Reproduction in Animal and Plants*. Eds. Hitoshi Sawada. Springer Open. Doi.10.1007/978-4-431-54589-7